

## Warisan Kesultanan Melayu: Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid dan Ekonomi Kedah

MOHD KASTURI NOR BIN ABD AZIZ

### ABSTRAK

*Makalah ini membincangkan perkembangan ekonomi di Kedah menerusi Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid (SMSAH) sebagai warisan Kesultanan Melayu. Berdasarkan SMSAH didapati sistem ekonomi yang dijalankan di negeri Kedah merangkumi kegiatan pertanian seperti tanaman padi, ubi kayu dan getah, penternakan, perhutanan dan perlombongan. Kajian mendapati kegiatan ekonomi banyak menyumbang kepada proses pembangunan negeri Kedah termasuk menyediakan kemudahan infrastruktur dan komunikasi. Walau bagaimanapun, aspek ekonomi juga turut menimbulkan kesan negatif kepada kestabilan politik Kedah seperti masalah kewangan dan kekacauan yang berlaku di lombong bijih timah pada sekitar 1888-1905. Maklumat ini didapati menerusi SMSAH yang dianggap sebagai bukti pembabitian golongan pemerintah tempatan seperti Sultan Abdul Hamid dan para pembesar negeri dalam ekonomi Kedah di samping penggunaan sumber pihak British seperti Kedah Annual Report bagi menyokong kesahihannya.*

*Kata kunci: surat-menyurat Sultan Abdul Hamid, negeri Kedah, kegiatan ekonomi, pembangunan, kewangan, kekacauan*

### ABSTRACT

*This article discusses Kedah's economic development through Sultan Abdul Hamid as a legacy of the Malay Sultanate. Based on this correspondence, this economic practice in Kedah comprised agriculture such as paddy, tapioca and rubber; livestock, forestry and mining. Research shows that economic activity contributes a lot to the Kedah development process which includes its infrastructure and communication. However, it has also affected negatively on Kedah political stability for instance financial crisis and the upheaval in the tin mines which transpired around 1888-1905. This information was discovered through Sultan Abdul Hamid's correspondence which was considered as evidence to the involvement of local dignitaries like Sultan Abdul Hamid and his ministers in the Kedah economic system. Moreover, the use of British source such as Kedah Annual Report solidifies its authenticity.*

*Key words: Sultan Abdul Hamid's correspondence, Kedah state, economic activity, development, financial, upheaval*

## PENGENALAN

Salah satu koleksi surat-menyurat Melayu yang penting di Malaysia dan mendapat pengiktirafan dunia ialah koleksi Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid (selepas ini disebut SMSAH). Koleksi SMSAH adalah himpunan warkah diraja Melayu yang ditulis pada zaman pemerintahan Sultan Abdul Hamid Halim Shah, Sultan Kedah yang ke-25 (mm. 1882-1943). Sehingga kini koleksi tersebut berjumlah 14 hingga 16 buah buku yang kesemuanya bertulisan jawi dengan menggunakan tulisan tangan (Wan Shamsuddin Mohd Yusuf 2001). Koleksi SMSAH telah diiktiraf sebaris dengan koleksi warisan dunia yang lain seperti *Hikayat Hang Tuah* dan *Sulalatus Salatin* (Sejarah Melayu). Ia diwartakan sebagai warisan dunia atau “*Memory of the World Register*” pada September 2001 oleh pihak *United Nation Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO) atas hasil usaha Arkib Negara Malaysia dengan kerjasama para penyelidik tempatan (UNESCO 2001).

Pemilihan SMSAH sebagai warisan dunia dipengaruhi oleh kedudukannya sebagai satu-satunya kumpulan surat-menyurat manuskrip Melayu yang begitu bernilai dan agak tersusun jika dibandingkan dengan koleksi manuskrip berupa surat-menyurat kerajaan lain di Gugusan Kepulauan Melayu silam. Pengiktirafan ini juga disebabkan keunikan koleksi SMSAH sebagai satu-satunya bukti rekod bertulis mengenai Kesultanan Melayu semasa zaman penjajahan kuasa asing yang masih dipelihara (Samsiah Muhamad 2006: 200-207). Koleksi ini mengandungi banyak maklumat penting mengenai sejarah negeri Kedah sewaktu peralihan kuasa Siam dan kemasukan British dalam pentadbirannya. Kandungannya terdiri daripada diari istana, perjanjian, laporan, surat permohonan, surat kiriman dan pelbagai perkara penting yang lain yang mampu menyoroti sejarah Kedah dari pelbagai bidang khususnya kegiatan ekonomi dan kesannya semasa zaman pemerintahan Sultan Abdul Hamid.

## KEGIATAN EKONOMI NEGERI KEDAH

Sistem ekonomi masyarakat Melayu pada sekitar kurun ke-19 adalah bersifat sara diri yang berkeadaan tertutup, secara tradisional, kurang berdaya saing dan hasil pengeluarannya berskala kecil yang berada pada tahap produktiviti yang rendah (Sharom Ahmat 1984; Lim Teck Ghee 1972). Pandangan ini tidak jauh berbeza dengan pandangan J.M. Gullick, seorang sarjana Barat yang berpendapat bahawa sistem ekonomi Melayu

bersifat separa sara diri di mana mereka hanya mampu menghasilkan sumber pengeluaran untuk keperluan diri dan keluarga. Manakala bakinya pula dijual untuk mendapatkan wang serta barang keperluan lain yang tidak dapat dihasilkan oleh mereka sendiri (Gullick 1989:124). Kedua-dua pendapat ini agak berbeza dengan satu kajian daripada sumber tempatan. Azmi Khalid mengatakan bahawa sistem ekonomi masyarakat Melayu adalah bersifat dinamik dan pelbagai bentuk yang dipengaruhi oleh unsur-unsur budaya (Azmi Khalid 1996: 223-227). Berdasarkan penelitian terhadap corak kehidupan masyarakat Melayu ketika itu, secara umumnya penulis bersetuju dengan pandangan yang dikemukakan oleh Azmi Khalid.

Walau bagaimanapun, keadaan sistem ekonomi masyarakat Melayu di negeri Kedah adalah agak berbeza dengan negeri-negeri Melayu yang lain. Kenyataan ini telah dikemukakan oleh Mohd. Isa Othman yang mendapati Kedah lebih cenderung mengamalkan sistem ekonomi yang bersifat komersil dan ini adalah berbeza dengan negeri-negeri Melayu yang lain ketika itu masih mengamalkan ekonomi bersifat separa tradisional (Mohd Isa Othman 2001: 37). Berdasarkan keadaan yang berlaku pada sekitar tahun 1860-an, Kedah telah melibatkan diri dalam kegiatan mengeksport bekalan beras ke Pulau Pinang yang ketika itu berada di bawah kuasa Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI) dan kemudian dieksport semula ke negara China. Pandangan ini dapat diterima dan agak kukuh berdasarkan penelitian terperinci mengenai perkembangan tentang kegiatan ekonomi Kedah pada sekitar kurun ke-19 (Badriyah Salleh & Tan Liok Ee 2006: 1-22).

Selain itu juga, hasil ternakan para petani seperti lembu, kerbau, ayam dan itik turut diniagakan. Hasil pertanian lain seperti sayur-sayuran, buah-buahan dan kelapa turut diperdagangkan. Di samping itu, rakyat jelata turut menangkap ikan, mengutip hasil laut dan hasil hutan serta melombong emas dan bijih timah secara kecil-kecilan. Terdapat juga segelintir penduduk Kedah melakukan kerja pertukangan seperti membuat barang kemas daripada emas dan perak, alat senjata, perahu dan lain-lain secara tradisional (Mohd Isa Othman 2001: 56). Berdasarkan keadaan ini, kegiatan ekonomi rakyat Kedah bukanlah bersifat sara diri sebaliknya mempunyai ciri-ciri ekonomi komersil walaupun pembabitan mereka bukan secara besar-besaran. Malah, hubungan luar dengan Pulau Pinang turut menyebabkan Kedah terheret dalam kancah ekonomi komersil.

Hubungan ekonomi Kedah dengan sistem ekonomi bebas dan komersil telah bermula pada akhir kurun ke-18 melalui hubungan perdagangan dengan Pulau Pinang yang berada di bawah SHTI. Pada ketika itu juga,

para petani tempatan giat menjalankan kegiatan jual beli untuk memenuhi pasaran Pulau Pinang seperti bekalan beras, binatang ternakan contohnya kerbau, lembu, ayam dan itik serta hasil pertanian yang lain (*Singapore Free Press* 1837) Kepsatan ekonomi ini mendorong Pulau Pinang membuat pelaburan di Kedah. Sebahagian besar pemodal-pemodal ini terdiri daripada kaum Cina. Peranan para pemodal ini ditulis oleh seorang pegawai British dalam laporannya (C.O 273/307-309). Golongan pemodal ini menjalankan hubungan yang baik dengan golongan pemerintah Kedah bagi memastikan bekalan yang dikehendaki berterusan ke Pulau Pinang.

Perkembangan ekonomi negeri Kedah yang berlaku pada sepanjang akhir kurun ke-19 hingga pertengahan kurun ke-20 boleh ditinjau daripada pelbagai kegiatan seperti pertanian, perlombongan, perdagangan dan lain-lain. Kegiatan ekonomi ini banyak mendatangkan pendapatan dan keuntungan kepada Kedah khususnya melalui hasil kutipan pajakan dan pencukaian. Hasil pendapatan daripada kegiatan ekonomi ini digunakan pula untuk menguruskan hal ehwal belanjawan negeri. Kegiatan ekonomi ini jelas amat mempengaruhi proses pengukuhan institusi kesultanan dan pembangunan serta kemajuan negeri Kedah sehingga ke hari ini. Kenyataan ini berdasarkan penelitian khusus terhadap Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid yang didapati mengandungi maklumat penting mengenai kegiatan ekonomi Kedah pada zaman berkenaan dalam pelbagai bentuk seperti penyata kewangan, surat, catatan dan laporan.<sup>1</sup> Berbanding dengan *Kedah Annual Report (KAR)*, maklumat berkenaan dengan kegiatan ekonomi Kedah di dalam KAR hanya dilaporkan pada tahun 1905 ke atas yang dikeluarkan oleh pihak British. Perkara ini bermaksud sejarah Kedah sebelum 1905 tidak dikupas dalam KAR dan hanya ditemui dalam SMSAH. Malah, peranan yang dimainkan oleh Sultan Abdul Hamid dalam pembangunan ekonomi Kedah juga kurang ditonjolkan dalam KAR.<sup>2</sup> Hal ini menjadikan SMSAH sebagai sumber penting dalam kajian pensejarahan Kedah semasa zaman pemerintahan Sultan Abdul Hamid khususnya berkaitan dengan sistem ekonomi sekitar akhir kurun ke-19 sehingga awal kurun ke-20 yang terdiri daripada kegiatan pertanian (tanaman padi, ubi kayu, getah), penternakan, perhutanan, perlombongan.

## KEGIATAN PERTANIAN

### **Tanaman Padi**

Pada zaman pemerintahan Sultan Abdul Hamid Halim Shah (mm. 1882-1943), Kedah telah mula mengalami kepsatan dan perubahan corak

daripada ekonomi yang berasaskan kegiatan perdagangan kepada pertanian khususnya penanaman padi. Antara perkembangan penting dalam kegiatan ekonomi Kedah ialah usaha membuka dan menebus guna tanah-tanah paya kepada tanah pertanian di sekitar Dataran Kedah yang subur dengan keluasan 300,000 ekar (Afifuddin Omar 1981). Perubahan ini telah menarik kedatangan imigran untuk berhijrah ke Kedah yang datang dari wilayah Selatan Siam, Jawa, Kalimantan dan Perak untuk menjalankan kegiatan penanaman padi. Penghijrahan ini telah mengubah corak dan pola kependudukan serta pertumbuhan ekonomi Kedah (Zaharah Mahmud 1965). Kegiatan penanaman padi di Kedah turut dipengaruhi oleh teknik dan teknologi dari Siam yang mampu menghasilkan pengeluaran yang banyak. Hal ini membawa kepada peningkatan kuantiti bekalan beras di Kedah. Malah, kerajaan negeri turut berusaha menebus guna kawasan-kawasan paya sekitar Kuala Kedah dan Kota Setar menjadi kawasan pertanian penanaman padi. Keadaan ini telah mempergiatkan lagi usaha meneroka tanah paya kepada tanaman padi sehingga mencecah keluasan lebih 200,000 ekar sekitar tahun 1910-an (Lim Teck Ghee et al. 1980: 26-27).

Kegiatan pertanian berasaskan penanaman padi semakin giat berkembang di Kedah kerana turut dipengaruhi oleh faktor permintaan yang tinggi dari Pulau Pinang (Mohd Isa Othman 2001: 50). Hal ini kerana sejak kurun ke-18 lagi Kedah telah menjalin hubungan perdagangan beras dengan pihak SHTI di Pulau Pinang. Malah, peningkatan jumlah penduduk yang semakin ketara di pulau berkenaan turut mempengaruhi permintaan yang tinggi terhadap bekalan beras dari Kedah. Pada tahun 1864, jumlah eksport beras Kedah ke Pulau Pinang mencecah nilai \$10,000 (Mohd Isa Othman 2001: 37). Faktor pelaburan dan suntikan modal asing daripada golongan saudagar dari Pulau Pinang yang terdiri daripada bangsa Cina dan Eropah turut mempengaruhi peningkatan kadar permintaan terhadap bekalan beras yang berterusan dari Kedah. Kesan daripada permintaan yang tinggi dari pihak luar terhadap bekalan beras ini telah menyebabkan nilai tanah di Kedah semakin meningkat.

Ketika Kedah berada di bawah pemerintahan Sultan Abdul Hamid, kegiatan pertanian berasaskan penanaman padi sawah merupakan antara sumber pendapatan utama kepada negeri dan institusi kesultanan. Perolehan ini berpunca daripada kutipan pajakan dan cukai hasil beras. Hasil kutipan pajakan beras ini ada dicatat dalam penyata kewangan yang termasuk dalam urusan belanjawan tahunan negeri (SMSAH No. 1). Sistem pajakan dan pencukaian ini berkait rapat dengan pemberian hak monopoli oleh pemerintah kepada individu-individu tertentu yang akan

dibincangkan kemudian. Perkembangan pesat kegiatan pertanian berasaskan penanaman padi ini juga menjadi salah satu sumber dagangan utama Kedah ke luar negeri.

Perkembangan ekonomi pertanian yang pesat ini mendorong Sultan Abdul Hamid mewujudkan dan menjalankan dasar monopoli dengan menguasai sumber tanah untuk dijadikan kawasan sawah padi yang digelar sebagai 'bendang raja'. Penguasaan ini juga membolehkan baginda memilih mana-mana tanah bendang yang subur, mengerahkan rakyat jelata mengerjakannya dan melantik wakilnya bagi tujuan menjaga dan mengutip hasil penanaman padi pada tiap-tiap musim. Malah, baginda turut memegang hak dan kuasa penuh untuk menjual dan mengeksport hasil tanaman padi kepada pihak luar melalui wakil yang dilantik olehnya (Zaharah Mahmud 1972: 96). Bagi tujuan mengukuhkan kedudukan ekonomi dan sosial istana, baginda bertindak menyerahkan hak dan kuasa pengendalian mengutip hasil pertanian dari tanaman padi kepada individu tertentu yang berjaya memperolehi konsesi berkenaan melalui sistem pajakan dalam tempoh masa yang ditetapkan (F.O. 422/30). Sepanjang pemerintahan baginda juga, kegiatan mengeksport bekalan beras ke luar negeri giat dijalankan di beberapa pelabuhan utama di seluruh negeri seperti Kuala Kedah, Kuala Muda dan Pulau Langkawi (Mohd Isa Othman 2001: 50). Semenjak kewujudan institusi kesultanan Melayu Kedah sehingga ke hari ini, kegiatan pertanian berasaskan penanaman padi sawah telah diakui sebagai penyumbang utama kepada sumber pekerjaan, pendapatan dan bekalan makanan ruji kepada negeri dan para penduduknya.

Perkembangan kegiatan ekonomi pertanian berasaskan penanaman padi di Kedah amat dipengaruhi oleh kepentingan sumber tanah. Sumber tanah ini merupakan faktor pengeluaran utama dalam kegiatan pertanian padi masyarakat di Kedah. Kepentingan sumber tanah ini dalam kehidupan mereka dibuktikan dengan pemberian surat putus (Undang-Undang Kedah 1893). Surat ini adalah bukti penting para penduduk yang memiliki tanah untuk dijadikan sebagai kawasan bendang. Pemberian hak milikan ini merupakan antara kaedah yang terdapat dalam sistem pembangunan tanah tradisional Kedah yang telah diamalkan semenjak kurun ke-17 lagi. Hak memiliki tanah ini, walau bagaimanapun, masih dikuasai sepenuhnya oleh golongan pemerintah seperti sultan, kerabat diraja, para pembesar negeri, daerah dan kampung (KAR 1909: 14). Selain itu juga, terdapat maklumat mengenai urusan pentadbiran tanah khususnya dalam pertanian padi yang turut terkandung dalam *Undang-Undang Kedah* (Winstedt 1928: 8-9). Atas kepentingan sumber tanah ini kepada kegiatan pertanian berasaskan

penanaman padi sebagai penyumbang utama pendapatan negeri dan istana, Sultan Abdul Hamid telah menubuhkan Jabatan Tanah dan Ukur yang bertanggungjawab dalam hal ehwal pembangunan dan kemajuan tanah negeri yang ditubuhkan pada sekitar tahun 1880-an (Ismail Salleh t.t.: 4). Walaupun sistem dan jabatan pentadbiran hal ehwal tanah telah diwujudkan, namun ia masih lagi tertakluk dan dipengaruhi oleh unsur tradisional yang bergantung kepada budi bicara sultan dalam membuat keputusan dan tindakan (KAR 1906: 4).

Selain itu juga, nadi kegiatan ekonomi Kedah khususnya dalam bidang pertanian amat bergantung kepada bekalan sumber air (Haslindawati Saari 2006: 13-15). Sumber air ini amat penting kepada penduduk Kedah di mana golongan rakyat amat memerlukannya dalam menjalankan urusan harian, menjana kegiatan pertanian serta sumber perhubungan. Manakala golongan pemerintah pula memerlukannya dari segi mengawal keselamatan, perancangan pertahanan dan penguasaan sumber ekonomi di samping merupakan hasil pendapatan negeri (Mohd Isa Othman 2001: 47). Atas faktor pergantungan sumber air dari sungai di Kedah sepenuhnya sebelum ini telah membawa kepada usaha pihak pemerintah untuk mengeksploitasinya dengan projek pembinaan terusan.

Projek pembinaan terusan atau tali air (tandop) ini bertujuan untuk menyalirkan bekalan air ke kawasan pertanian khususnya penanaman padi di sekitar daerah. Pembinaan tandop ini giat dijalankan semasa pemerintahan Sultan Abdul Hamid lagi. Antara terusan utama di Kedah yang dibina pada zaman berkenaan ialah Terusan Wan Mat Saman pada tahun 1885 yang menghubungkan Sungai Kedah sehingga ke kaki Gunung Jerai (Sharom Ahmat 1984: 20). Mengikut sejarah pembinaannya, ia dibina oleh Dato' Wan Mat Saman dengan menggunakan tenaga rakyat jelata melalui sistem kerah (Sharom Ahmat 1979: 154-163). Walau bagaimanapun, usaha ini kurang berjaya lalu beliau mengupah buruh Cina dari Pulau Pinang bagi meneruskan projek berkenaan. Usaha berkenaan menampakkan kejayaan tetapi beliau mula mengalami masalah kewangan untuk membayar upah para pekerja. Hal ini memaksa beliau meminjam wang daripada saudagar Cina dari Pulau Pinang yang berjumlah \$7,000 atas jaminan Sultan Abdul Hamid. Pembayaran semula pinjaman ini telah dipotong melalui wang gajinya sehinggakan beliau pernah menerima baki gaji bulanan hanya \$3.66 sahaja seperti mana yang tercatat dalam SMSAH No. 2.

Walaupun pada peringkat pembinaan terusan itu, Wan Mat Saman menghadapi pelbagai masalah kewangan, akhirnya beliau mampu dan berjaya mendapatkan keuntungan dengan dapat menjual tanah di kedua-

dua tebing terusan pada harga \$3.00 kepada \$60.00 serelung pada tahun 1909 (KAR 1909: 24). Pembinaan terusan ini juga telah mendatangkan hasil kepada pihak kerajaan yang berupaya menebus guna tanah paya kepada tanah sawah sehingga menjangkau keluasan lebih daripada 150 kilometer persegi (C.O. 273/360). Selain Terusan Wan Mat Saman, terdapat beberapa terusan lain yang turut dibina di Kedah selepas itu seperti Terusan di Kubang Pasu yang menghubungkan Kodiang ke Sanglang di Perlis oleh Wan Yahya Wan Mohamad Taib yang merupakan salah seorang pembesar negeri yang berpengaruh pada zaman berkenaan (Hill 1977: 56).

### **Tanaman Ubi Kayu**

Selain daripada kegiatan pertanian berasaskan penanaman padi, melalui SMSAH juga didapati penanaman ubi kayu turut menyumbang sumber pekerjaan kepada rakyat jelata dan hasil pendapatan kepada Kedah. Ekonomi berasaskan penanaman ubi kayu juga adalah antara kegiatan pertanian penting yang dijalankan secara komersil dan secara ladang di kawasan selatan Kedah khususnya Kulim (SMSAH No. 6). Kepentingan tanaman ubi kayu ini kepada ekonomi Kedah berkekalan sehingga tahun 1899. Perkembangan kegiatan penanaman ubi kayu ini berlaku apabila Sultan Abdul Hamid berkenan memberikan konsesi tanah dan hak pajakan kepada pengusaha asing yang terdiri daripada bangsa Cina dan Eropah (Sharom Ahmat 1970: 20). Pengusaha Cina begitu berminat untuk membuka tanah di wilayah selatan Kedah untuk tujuan penanaman ubi kayu berskala besar (secara perladangan). Keadaan ini banyak dipengaruhi oleh faktor permintaan yang tinggi terhadap bekalan ubi kayu di pasaran. Hal ini telah memberi kesan kepada perkembangan tanaman ubi kayu ketika itu apabila beberapa pengusaha Cina berusaha membuka ladang-ladang yang luas (Jackson 1968: 52). SMSAH mencatatkan salah seorang pengusaha Cina itu ialah saudagar Lim Lan Chek dari Pulau Pinang yang berjaya membuka dan memajukan ladang ubi kayu di Kulim dengan keluasan kira-kira 809 hektar di samping itu ditanam juga dengan pokok kopi pada tahun 1892 (SMSAH No. 5: 1896-1899)

Lim Lan Chek merupakan seorang saudagar Cina yang berpengaruh dan memiliki hubungan yang agak rapat dengan Sultan Abdul Hamid (Wu Xiao Ann 2003: 38-44). Beliau juga memiliki aset pelaburan yang besar yang membolehkan beliau membina sebuah kilang memproses tepung ubi serta mampu menggaji para pekerja daripada kalangan bangsa Melayu, Cina, Tamil dan Jawa yang berjumlah seramai sekitar 1000 orang.



Hasil tanaman ubi kayu ini juga turut memberi pendapatan kepada kerajaan negeri melalui kutipan pajakan dan pencukaian. Hasil kutipan pajakan ubi kayu ini ada dicatat dalam SMSAH dalam penyata kewangan negeri sebagai salah satu penyumbang pendapatan belanjawan istana (SMSAH No. 6: 1896-1899).

Pada sekitar akhir kurun ke-19, kegiatan pertanian daripada penanaman ubi kayu mula mengalami kemerosotan. Kemerosotan tanaman ini dipengaruhi oleh kadar harganya yang rendah kesan kejatuhan nilai di pasaran antarabangsa dan masalah penggunaan tanah yang tidak ekonomik serta memerlukan pembukaan kawasan tanah baru untuk tujuan tanaman semula yang amat mempengaruhi tahap kesuburan tanah sesebuah kawasan untuk tujuan penanaman ubi kayu (Mohd Isa Othman 2001: 51). Kemerosotan hasil dan nilai tanaman ini juga memberi kesan serta menjejaskan sedikit sebanyak hasil pendapatan negeri melalui sistem pajakan. Menjelang awal kurun ke-20, para pengusaha dan pihak kerajaan negeri mula beralih dan memberi fokus terhadap kegiatan pertanian berasaskan penanaman getah yang dianggap lebih menguntungkan berikutan harga yang tinggi di pasaran (Drabble 1973).

### **Tanaman Getah**

Di samping pertanian padi dan ubi kayu, sebagaimana diulas di atas, penanaman getah juga tidak terkecuali menjadi penyumbang utama hasil pendapatan dan kewangan kepada kerajaan negeri Kedah pada akhir kurun ke-19 hingga awal kurun ke-20. Faktor sumber tanah yang luas dan subur menggalakkan tanaman getah diusahakan di Kedah. Polisi kerajaan negeri yang terbuka kepada pelaburan luar dalam bidang ekonomi juga turut menarik minat pihak pelabur asing yang datang dari Jerman dan Britain untuk membuka tanah bagi tujuan perladangan getah (C.O. 273) Perkembangan ekonomi yang pesat di Kedah ini turut mendapat perhatian pihak British di Pulau Pinang. Kecenderungan pihak pelabur asing untuk membuka dan mengusahakan ladang-ladang getah ini telah menarik perhatian dan minat beberapa orang individu dalam kalangan golongan pemerintah negeri Kedah untuk turut bergiat dalam sektor pertanian berkenaan. Antara individu berkenaan ialah Tunku Abdul Aziz (Presiden Majlis Mesyuarat Negeri Kedah, 1905-1909), Tunku Ibrahim (Pemangku Raja Kedah, 1913-1934) dan Che Ibrahim (Setiausaha Majlis Negeri Kedah) untuk membuka ladang getah di daerah Jitra dan Kubang Pasu seluas 603 dan 2250 ekar tanah (*Straits Echo* 1909).

Keuntungan pendapatan daripada hasil jualan getah ini turut mempengaruhi tindakan pemerintah Kedah, Sultan Abdul Hamid yang mengambil langkah dengan memberikan konsesi dan hak pajakan memungut hasil getah kepada beberapa individu Cina seperti Beng Loon yang mengutip hasil bernilai mencecah hampir \$200.00 sejak tahun 1883 sebagaimana dicatat dalam SMSAH (SMSAH No. 1: 1882-1886). Hasil pajakan getah ini telah menyumbang kira-kira 10-15 peratus pendapatan dalam belanjawan negeri Kedah. Malah, hasil pendapatan ini turut membantu membayar gaji pekerja dan menjelaskan bayaran untuk tujuan perbelanjaan istana dan lain-lain.

Peningkatan dan permintaan yang tinggi terhadap bekalan getah pada waktu itu dikatakan turut mempengaruhi pihak British di Pulau Pinang untuk mengemukakan permohonan untuk membuka tanah untuk tujuan perusahaan getah di Kedah kepada Sultan Abdul Hamid. Usaha pihak British ini telah mendapat reaksi positif daripada sultan. Malah, Sultan Abdul Hamid amat menggalakkan dan serta memberi kebenaran kepada para pegawai British untuk membuka ladang getah di Kedah. Kesudian dan kesediaan sultan Kedah telah ditunjukkan melalui jemputan baginda kepada mereka untuk hadir di Lubuk Pusing di Kuala Muda untuk melihat dan memilih sendiri tanah-tanah yang bersesuaian dengan tanaman getah sekitar tahun 1893. Hal ini terkandung dalam SMSAH Buku No. 5.

Berdasarkan kesesuaian kawasan di Kedah untuk tanaman getah, para pelabur asing khususnya Inggeris dan Cina lebih cenderung menumpukan perhatian kepada kawasan di daerah Kulim dan Kuala Muda berbanding kawasan lain yang masih kekal dan sesuai untuk kegiatan pertanian penanaman padi sawah. Berikutan kenaikan harga getah semasa yang begitu mendadak pada tahun 1906, golongan pelabur asing semakin giat dan aktif membuka dan mengusahakan tanah di kedua-dua daerah berkenaan untuk tujuan penanaman getah (KAR 1909-1910: 12). Kepesatan perusahaan getah di Kedah diakui banyak membuka peluang pekerjaan dan hasil pendapatan kepada penduduk di negeri ini membabitkan tenaga buruh mencecah 28,000-34,000 orang pada sekitar tahun 1932-1934 yang melibatkan masyarakat kaum India, Melayu, Cina dan lain-lain (KAR 1934-1935: 18). Maklumat yang terdapat dalam SMSAH telah membuktikan Sultan Abdul Hamid, melalui pejabat baginda, telah memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi Kedah khususnya kegiatan pertanian dengan dibantu oleh para pembesar negeri.

## KEGIATAN PENTERNAKAN

Menerusi SMSAH didapati para petani tempatan juga turut melibatkan diri dalam kegiatan penternakan. Kegiatan ini berkaitan dengan binatang ternakan seperti kerbau, lembu, kambing, ayam dan itik untuk tujuan perniagaan. Malah binatang ternakan tersebut juga turut disenaraikan dalam sistem pajakan oleh Sultan Abdul Hamid. Berdasarkan maklumat mengenai hasil kutipan pajakan daerah Kuala Muda dan Merbok yang terdapat dalam urusan penyata penerimaan Belanjawan Negeri adalah terdiri daripada hasil mahsul negeri yang merangkumi pajakan ke atas padi, beras, ubi kayu dan tepungnya. Di samping itu judi, siput, teripang dan lain-lain termasuk binatang ternakan seperti babi, ayam, itik dan telurnya serta belulang lembu dan kerbau turut menyumbang kepada hasil mahsul negeri (SMSAH No. 1: 1883). Di sebalik keuntungan ini, SMSAH turut menonjolkan sisi gelap kegiatan penternakan ini. Kegiatan yang menguntungkan ini nampaknya telah mendorong kepada masalah jenayah di Kedah seperti kegiatan mencuri binatang ternakan untuk dibawa ke Pulau Pinang (SMSAH No. 3: 1883).

## KEGIATAN PERHUTANAN

Berdasarkan SMSAH, kegiatan menjual hasil hutan juga adalah antara aktiviti ekonomi yang penting di Kedah. Malah ia juga turut menyumbang kepada hasil pendapatan negeri semasa zaman pemerintahan Sultan Abdul Hamid. Kegiatan perhutanan ini ada disenaraikan dalam sumber hasil pajakan disebut sebagai kayu larangan. Kayu larangan ini terdiri daripada kayu-kayan yang bernilai dan bermutu tinggi daripada pokok merbau, pokok cengal dan lain-lain. Hanya individu tertentu sahaja yang boleh mengambil dan menebangnya atas kebenaran sultan dan kerajaan Kedah. Hasil pajakan daripada kegiatan ini dikutip dan ada dicatat dalam penyata pendapatan yang terkandung dalam SMSAH. Sebagai contoh, pada bulan Jamadilakhir 1302H/Februari 1885M hasil kutipan pajakan bertambah kepada \$4683.24 dengan penerimaan hasil pajakan kayu larangan daripada Wa Chiew untuk tempoh setahun sebanyak \$600.00 (SMSAH No. 1: 1885). Selain daripada hasil pajakan kayu larangan, hasil hutan yang lain juga turut menyumbang kepada pendapatan negeri termasuk hasil pajakan ke atas buluh, rotan, getah damar, getah hutan serta tahi kelawar (Sharom Ahmat 1984: 40).

## KEGIATAN PERLOMBONGAN

Selain daripada sektor pertanian, hasil pendapatan negeri Kedah turut disumbang oleh sektor perlombongan. Perlombongan merupakan antara sektor ekonomi utama yang dijalankan di Kedah sejak kurun ke-15 lagi. Kegiatan pertanian dijalankan lebih tertumpu di kawasan utara negeri Kedah. Tinjauan ke atas SMSAH mendapati kegiatan perlombongan pula banyak dijalankan di wilayah selatan khususnya di Kuala Muda dan Kulim serta di kawasan bersempadan wilayah Setul dan Changloon (SMSAH No. 1: 1883). Kegiatan perlombongan ini lebih berfokus kepada sumber mineral iaitu bijih timah. Pada peringkat awal kegiatan perlombongan bijih timah di Kedah, ia dimulakan dan diusahakan secara kecil-kecilan oleh penduduk tempatan dengan menggunakan teknik atau kaedah mendulang. Kemudian, kegiatan perlombongan ini diusahakan secara giat oleh para pelombong Cina untuk tujuan penjualan berskala besar.

Perkembangan kegiatan perlombongan bijih timah di Kedah turut dibantu oleh dasar ekonomi oleh pemerintahnya. Semasa pemerintahan Sultan Abdul Hamid, baginda lebih cenderung mengamalkan dasar dan sistem pajak dan pencukaaian terhadap kegiatan-kegiatan ekonomi yang banyak menyumbang kepada hasil pendapatan dan kekayaan negeri dan istana. Kegiatan perlombongan bijih timah juga tidak terkecuali dalam dasar ini. Selain menyumbang hasil pendapatan, sistem pajakan ini juga dapat membantu pihak kerajaan dalam mengawal hasil pengeluaran bijih timah di Kedah. Perkara ini tercatat dalam SMSAH, merujuk kepada penyata kewangan negeri pada bulan Syawal 1304H/Jun-Julai 1887M sebagai hasil pajakan baru daripada Syed Abdullah yang memajak timah Kuala Muda dan Karangan pada nilai \$1033.16 (SMSAH No. 1: 1887). Berdasarkan catatan ini, didapati hasil kutipan pajakan timah mewakili kira-kira 25 peratus daripada pendapatan keseluruhan negeri pada tahun berkenaan.

Walaupun kegiatan perlombongan bijih timah disenaraikan sebagai penyumbang utama keuntungan dan hasil kewangan negeri dan istana, ia juga turut mengundang kesan buruk kepada kestabilan politik dan ekonomi Kedah dengan kemunculan kekacauan di kawasan lombong di Kulim membabitkan kumpulan-kumpulan pekerja Cina yang bekerja di situ. Kekacauan yang berlaku ini timbul membabitkan dua buah kumpulan utama pekerja daripada puak Teo Chew dan Hai Lo Hong pada tahun 1888 (Thow Eng Kee 1989: 13-33). Hal ini berpunca daripada kesan persaingan antara kedua-dua kumpulan yang berusaha menguasai sumber ekonomi, kegiatan kongsi gelap, perjudian, bekalan candu dan wanita

(Khadri Mohd Salleh 1988: 6). Kesan buruk daripada peristiwa ini memaksa Sultan Abdul Hamid mengambil tindakan tegas dengan memerintahkan para pembesar negeri ke kawasan berkenaan untuk menyelesaikannya secara tegas dengan penguatkuasaan undang-undang (SMSAH No. 3: 1889). Menerusi SMSAH didapati kekacauan yang berlaku ini telah menarik perhatian kuasa luar seperti British dan Siam untuk cuba mencampuri hal dalaman Kedah (SMSAH No. 3: 1888). Namun tindakan tegas pemerintah Kedah telah dapat mengembalikan keadaan tenang dalam negeri dan pengeluaran daripada kegiatan perlombongan bijih timah terus meningkat sehingga mencecah kira-kira \$4,050 hasil eksport Kedah pada tahun 1894 (Norman 1900: 525). Bukti yang terdapat dalam SMSAH menunjukkan pejabat Sultan jelas memainkan peranan penting dalam mengawal hal-ehwal dalaman negeri Kedah khususnya dalam bidang ekonomi. Malangnya, maklumat penting ini kurang ditonjolkan dalam KAR yang diterajui oleh Penasihat British.

## KESAN KEGIATAN EKONOMI DI KEDAH

### **Pembangunan Infrastruktur dan Telegraf**

Kepesatan ekonomi di Kedah turut memberi kesan positif dan negatif terhadap proses pembangunan dan pengurusan belanjawan negeri. SMSAH mencatatkan tentang antara usaha kerajaan Kedah untuk bekerjasama dengan pihak asing dalam memajukan sektor ekonomi khususnya pertanian dan perlombongan dengan merancang pembinaan landasan jalan kereta api yang menghubungkan Kedah dengan wilayah-wilayah lain yang bersempadan dengannya seperti Pulau Pinang, Perak dan selatan Siam. Pihak asing berkenaan adalah *Malay Railway and Work Construction Company*. Syarikat ini merancang untuk membina jalan kereta api yang menghubungkan wilayah Singgora-Alor Setar-Bukit Mertajam dan daerah Selama-Kulim-Seberang Perai. Mereka telah mengemukakan permohonan mengenai projek itu kepada pemerintah Kedah, Sultan Abdul Hamid pada ketika itu (SMSAH No. 2: 1889). Sultan kemudiannya telah merujuk kepada kerajaan Siam di Bangkok tentang hal tersebut. Rancangan dan pelaksanaan projek ini, walau bagaimanapun menemui kegagalan kerana pihak syarikat berkenaan mengalami masalah kewangan (Chandran 1965).

Menjelang tahun 1911, projek pembinaan jalan kereta api di Kedah akhirnya berjaya dilaksanakan yang menghubungkan kawasan Alor Setar

hingga Bukit Mertajam (Salim Nabijan 1990: 115-126). Ketika itu, kedudukan Kedah sebagai wilayah naungan pihak Siam telah beralih kepada pihak British. Kedah di bawah naungan pihak British telah mengalami pembangunan ekonomi dan sosial yang semakin pesat seperti pembinaan sistem perhubungan jalan raya dan jalan kereta api. Malah, Sultan Abdul Hamid sebagai pemerintah Kedah sendiri turut mengambil berat tentang sebarang perkembangan dan usaha membangunkan negerinya.

Selain daripada jalan kereta api, pembinaan jalan raya juga membantu proses pembangunan Kedah yang menerima kesan daripada perkembangan ekonomi yang berlaku di negeri ini. Pembinaan jalan raya di Kedah ini telah bermula semasa pemerintahan Sultan Muhammad Jiwa II (mm. 1710-1778). Seterusnya ia semakin berkembang semasa pemerintahan Sultan Abdul Hamid. Antara jalan raya yang berjaya dibina di Kedah sebelum kemasukan British ialah jalan raya yang menghubungkan kawasan Jitra ke Kodiang dan kawasan Alor Setar hingga Singora (KAR 1905: 39). Pembinaan jalan raya dan jalan kereta api ini adalah bertujuan untuk memudahkan sebarang urusan yang menghubungkan pusat pentadbiran seperti Alor Setar dengan daerah-daerah lain seperti Kulim, Kubang Pasu dan kawasan pelabuhan seperti Kuala Muda dan Kuala Kedah serta ke kawasan pertanian padi, lombong dan ladang getah seperti di Sungai Petani.

Aspek pemodenan di Kedah amat dititikberatkan oleh Sultan Abdul Hamid. Salah satu yang diberi perhatian serius, sebagaimana yang kelihatan dalam SMSAH ialah pemasangan sistem telegraf sebagai alat perhubungan dan telekomunikasi (SMSAH No. 2: 1890). Sistem telegraf ini telah membantu memudahkan berita dan hubungan antara kerajaan Kedah dengan pihak Siam dan Inggeris di Pulau Pinang. Kedah juga turut bertindak sebagai pihak perantaraan yang menyimpan dan membekalkan peralatan telegraf ke kawasan Siam seperti Kra Buri (Segenting Kra), Terang dan lain-lain (SMSAH No. 2: 1889). Kemudahan sistem telegraf ini juga banyak membantu proses pembangunan sosioekonomi dan politik negeri Kedah pada akhir kurun ke-19 hingga awal kurun ke-20. Perkara ini membuktikan SMSAH adalah satu-satunya bahan primer tentang zaman pemerintahan Sultan Abdul Hamid yang sedang mengalami proses pembangunan politik dan sosioekonomi yang pesat termasuk sistem pengangkutan seperti jalan keretapi dan jalan raya serta pemasangan sistem telegraf sebagai alat komunikasi yang penting di Kedah pada akhir kurun ke-19.

## MASALAH KEWANGAN

Walaupun proses pembangunan semakin pesat berkembang semasa pemerintahan Sultan Abdul Hamid kesan daripada peningkatan hasil ekonomi dan kemasukan pelaburan dan warga asing, ia juga turut menimbulkan kesan buruk kepada kerajaan Kedah. Semakin banyak hasil ekonomi dikeluarkan, semakin banyak pembaziran berlaku. Kekayaan ekonomi negeri Kedah telah mempengaruhi pihak kerajaan terutamanya pihak pemerintah untuk berbelanja sesuka hati tanpa memikirkan impak yang berlaku pada masa hadapan. Keadaan ini sering berlaku pada zaman pemerintahan Sultan Abdul Hamid. Sememangnya tidak dinafikan bahawa pada zaman baginda, Kedah telah mengalami pertumbuhan ekonomi yang pesat yang menyumbang pendapatan kepada kerajaan, tetapi pada masa yang sama Kedah juga turut mengalami situasi muflis pada awal tahun 1900.

Berdasarkan catatan SMSAH, masalah kewangan ini telah berlaku dengan tidak terkawal sebelum pemerintahan Sultan Abdul Hamid lagi. Sultan Abdul Hamid mendakwa masalah ini bermula daripada zaman pemerintahan abangnya, Sultan Zainal Rasyid Muazzam Shah II (mm. 1879-1881). Situasi ini jelas disumbangkan oleh golongan pemerintahan dalam kalangan kerabat diraja yang banyak meminjam wang daripada golongan pemiutang dalam kalangan ceti-ceti berbangsa India dan para saudagar Cina (SMSAH No. 6: 1897). Gejala berhutang ini timbul daripada kesan sikap golongan kerabat diraja yang biasa hidup dalam kemewahan, terlibat dalam kegiatan berjudi dan lain-lain. Malah, keadaan ini turut disumbangkan oleh golongan ceti yang bersikap mudah dan cepat meminjamkan wang kepada kaum kerabat diraja yang menghadapi masalah kewangan atas kepercayaan golongan ini mampu melangsaikannya dan jika gagal, mereka akan dibantu oleh kerajaan negeri (Mahani Musa 2005: 118).

Masalah kewangan ini semakin meruncing pada tahun 1905 apabila pihak British melaporkan bahawa hutang (pinjaman) Kedah daripada golongan pemiutang ini mencecah lebih \$2 juta. Jumlah hutang yang begitu besar ini memberi masalah kepada pihak kerajaan untuk melangsaikannya. Keadaan ini memaksa kerajaan Kedah untuk memohon bantuan kewangan daripada kerajaan Siam atas alasan untuk meneruskan urusan perdagangan negeri (Mohd Isa Othman 2001: 53). Kerajaan Siam yang berpusat di Bangkok berusaha untuk membantu kerajaan Kedah tetapi tidak berupaya untuk melakukannya disebabkan oleh faktor pengaruhnya terhadap Kedah dari aspek ekonomi semakin mengecil.

Masalah kewangan yang dihadapi oleh kerajaan Kedah telah menimbulkan kesan yang besar terhadap perkembangan dan pembangunan ekonomi dan politik negeri itu. Menurut Sharom Ahmat, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan masalah kewangan melanda negeri Kedah sekitar tahun 1905 (Sharom Ahmat 1984: 46-73). Antara faktor utama ialah ia berkait rapat dengan kadar perbelanjaan yang melebihi jumlah pendapatan yang dibuat oleh Sultan Abdul Hamid dan para kerabat diraja Kedah. Hal ini berdasarkan penyata kewangan yang dicatat dalam SMSAH No. 6 (1314-1317H/1896-1899M) di mana jumlah pendapatan yang diperolehi daripada sumber ekonomi yang dipajak berjumlah kira-kira \$60,000 lebih sahaja. Manakala penyata perbelanjaan pula mencatat jumlah yang mencecah \$420,000 dan kadar pinjaman yang dibuat mencecah jumlah \$310,000 (SMSAH No. 6: 1896-1899).

Pengurusan kewangan Kedah yang semakin buruk ini juga turut disumbangkan oleh sikap golongan pemerintah yang cenderung melakukan pembaziran dan boros dalam urusan perbelanjaan ke atas perkara-perkara yang tidak sepatutnya. Sebagai contoh, urusan perbelanjaan membina rumah dan istana baru, mengurniakan hadiah atau barangan perhiasan kepada para isteri, putera-puteri dan individu-individu yang disenangi oleh baginda (C.O. 273/293). Sikap dermawan sultan menyebabkan timbul masalah kewangan yang teruk kepada institusi kesultanan Kedah. Hal ini dibuktikan pada tahun 1905, masalah kewangan berlaku dan memaksa kerajaan Kedah untuk meminjam wang daripada kerajaan Siam dalam kadar jumlah yang begitu besar. Malah, masalah kewangan yang meruncing ini juga disebabkan oleh perbuatan dan hobi baginda yang gemar berjudi dengan para saudagar Cina dan para pembesar dalam kadar jumlah petaruhan yang agak besar dalam beberapa permainan seperti lumba kuda, '*pok*', dan '*chap cheki*' yang banyak dicatat dalam SMSAH<sup>3</sup> (Sharom Ahmat 1984: 54).

Masalah kewangan yang dihadapi oleh kerajaan Kedah semakin meruncing pada tahun 1904 selepas Sultan Abdul Hamid membelanjakan sejumlah besar wang untuk tujuan meraikan perkahwinan lima pasangan diraja (putera-puteri baginda) secara serentak pada 15 Jun 1904 yang menelan belanja sebanyak hampir \$3 juta. Upacara dan majlis perkahwinan ini dijalankan secara besar-besaran dan digelar sebagai '*Majlis Perkahwinan Tiga Juta Ringgit*' (Syed Mohamad Syed Hassan Shahabudin & Knowles 1958: 10-12). Perbelanjaan yang besar ini telah memberi masalah kewangan yang besar kepada kerajaan Kedah untuk melangsaikan hutang dan pinjaman yang telah dibuat. Menurut sumber daripada pihak British, hutang kerajaan Kedah daripada pihak ceti dan



saudagar Cina berjumlah \$2 juta dengan kadar faedahnya yang tinggi (F.O. 422/59: 1905) Manakala laporan daripada kerajaan negeri ada mengatakan kedudukan Kedah pada ketika itu telah tergadai dengan struktur kewangannya yang buruk meletakkan Kedah dalam keadaan muflis (F.O. 422/58: 1905). Kalangan para pemiutang daripada golongan ceti dan peniaga Cina pula mula berasa bimbang terhadap kerajaan Kedah yang dipercayai tidak mampu melangsaikan hutangnya telah mengambil keputusan (dengan sokongan pihak Residen Kaunselor British di Pulau Pinang) untuk mendesak Sultan Abdul Hamid agar menyelesaikan masalah ini dengan memohon bantuan kewangan daripada penaungnya di Bangkok. Pihak Siam bersetuju membantu dan campur tangan dalam urusan ini dengan mengemukakan syarat penting bahawa kerajaan negeri mesti menerima seorang penasihat Siam yang bertanggungjawab membantu dan memperbaiki sistem pengurusan kewangan Kedah (C.O. 273/314: 1905). Walaupun masalah kewangan ini tidak ditonjolkan secara jelas dalam SMSAH namun sikap Sultan Abdul Hamid dan para kerabat diraja yang negatif dapat dilihat melalui penyata kewangan yang secara tidak langsung menunjukkan tanda-tanda awal masalah kewangan Kedah yang serius pada penghujung abad ke-19. Kemungkinan besar, pihak istana Kedah tidak mahu mencatatkan pergolakan kewangan ini secara terperinci dalam SMSAH kerana ia akan menjejaskan nama baik pemerintah ketika itu.

## MASALAH KEKACAUAN DI LOMBONG

Selain daripada masalah kewangan yang dihadapi Kedah turut terkandung dalam SMSAH ialah masalah kekacauan yang sering berlaku di kawasan-kawasan yang berpotensi menyumbangkan kepada hasil pendapatan negeri. Dalam catatan SMSAH ini dapat dikesan secara tidak langsung mengenai kepesatan sektor perlombongan di Kulim telah memberi kesan buruk kepada perkembangan ekonomi Kedah. Kesan buruk ini disebabkan berlakunya kekacauan di Kulim yang membabitkan pelombong Cina dari kumpulan Teo Chew dengan kumpulan Hai Lo Hong (Thow Eng Kee 1989: 13-33). Kekacauan ini tercetus pada tahun 1888 yang berpunca daripada persaingan pengaruh kedua-dua kumpulan untuk ingin menguasai sumber ekonomi, kegiatan kongsi gelap, candu, perjudian, arak dan wanita (Khadri Mohd Salleh 1988: 6). Melalui catatan SMSAH, kekacauan ini dapat dibendung setelah baginda sultan memerintahkan wakilnya ke Kulim dengan dibantu oleh pegawai daerah berkenaan dan sekumpulan anggota polis dalam usaha menyelesaikan isu berkenaan (SMSAH No. 2: 1888).

Merujuk maklumat dalam SMSAH, kekacauan ini dapat diselesaikan dengan tindakan undang-undang yang tegas di mana individu-individu yang bersalah terlibat secara langsung mencetuskan kekacauan berkenaan dikenakan hukuman yang berat seperti dipenjarakan beberapa tahun dan terpaksa melakukan kerja berat (SMSAH No 3: 1889). Seperti yang diulas sebelumnya, peristiwa kekacauan yang berlaku di Kulim ini telah menarik perhatian pihak British dan Siam untuk cuba mencampuri hal dalaman Kedah (Thow Eng Kee 1995: 43-52). Pihak British di Pulau Pinang telah memantau perkembangan yang berlaku di Kulim dan sedia menawarkan bantuan ketenteraan untuk meredakan keadaan berkenaan. Namun, tawaran berkenaan ditolak secara baik oleh kerajaan Kedah (SMSAH No. 3: 1889). Keputusan yang diambil oleh kerajaan Kedah ini disokong oleh para pembesar tempatan kerana jika tawaran berkenaan diterima, pihak British tentu akan berjaya mencampuri urusan dalaman negeri Kedah lebih awal lagi.

Tindakan pihak British ini dipercayai ada kaitannya dengan kedudukan Kulim yang agak strategik dan berpotensi dengan hasil pengeluaran bijih timah yang banyak dalam memenuhi permintaan pasaran dunia dan Revolusi Perindustrian di Eropah pada ketika itu. Melalui perancangan untuk menduduki wilayah Kulim ini, pihak British akan memperolehi keuntungan besar dari segi kewangan, sumber mineral dan tanah. Begitu juga dengan pihak Siam yang turut berusaha untuk mengembalikan kuasa dan kedudukannya dalam bidang politik dan ekonomi Kedah. Walau bagaimanapun, usaha kedua-dua kuasa ini menemui kegagalan setelah pihak Kedah berjaya meredakan kekacauan berkenaan tanpa bantuan mereka secara langsung. Selepas kekacauan ini berjaya diselesaikan, kegiatan perlombongan bijih di Kulim diteruskan dan mampu menyumbangkan hasil pengeluaran bijih timah yang besar dan seterusnya memberi pulangan keuntungan yang besar kepada Kedah (Norman 1900: 525).

## PENUTUP

Berpandukan kepada catatan SMSAH dapat dirumuskan bahawa pada zaman pemerintahan Sultan Abdul Hamid, Kedah sedang mengalami pembangunan sosioekonomi yang ketara berbanding zaman pemerintahan sebelumnya. Pelbagai kegiatan ekonomi dijalankan merangkumi bidang pertanian, penternakan, perhutanan dan perlombongan. Kepesatan kegiatan ekonomi ini telah memberi kesan positif kepada proses pembangunan Kedah melalui pembinaan sistem perhubungan dan

komunikasi. Namun, SMSAH juga mendedahkan Kedah turut menghadapi masalah kewangan dan kekacauan yang sedikit sebanyak menjejaskan nama baiknya. Walau bagaimanapun, Sultan Abdul Hamid dengan dibantu para pembesar baginda membuktikan mereka telah berusaha sedaya upaya untuk mentadbir dan menguruskan kerajaan dengan sebaik-baik mungkin dengan menyelesaikan pelbagai permasalahan dalaman seperti kewangan dan kekacauan bagi mengekalkan keutuhan Kedah sebagai sebuah kerajaan dan negeri yang berdaulat walaupun terdapat campur tangan daripada kuasa British dan Siam.

### PENGHARGAAN

Ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Profesor Madya Dr. Mahani Musa, Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, atas pandangan dan bimbingan beliau dalam membantu penulis menyiapkan artikel ini.

### NOTA AKHIR

- <sup>1</sup> Koleksi SMSAH ini berada dalam simpanan Arkib Negara Malaysia cawangan Kedah/Perlis dan salinan mikrofilem juga boleh didapati di Ibu Pejabat Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur.
- <sup>2</sup> Kedah Annual Report mula diterbitkan pada tahun 1905 setelah perlantikan seorang Penasihat Kewangan Siam dalam sistem pentadbiran Kedah ketika itu.
- <sup>3</sup> Temuramah dengan Dato' Wan Shamsuddin Mohd Yusof pada 2 Mac 2009 di Muzium Negeri Kedah, beliau menyatakan permainan *pok* menggunakan buah tembaga empat segi seperti dadu, permainan ini seperti bermain tikam (judi) yang memerlukan pemainnya membayar 'double'. Manakala permainan *cap seki* seperti permainan bertaruh dengan menggunakan kad. Pendapatan dan perbelanjaan Sultan Abdul Hamid dalam permainan ini banyak dicatat dalam Penyata Kewangan *SMSAH No. 1* dan *No. 6*. (1300-1304H/1882-1886M) dan (1314-1317H/1896-1899M).

### RUJUKAN

- Affifuddin Haji Omar. 1981. Penanaman padi di Kedah: Sejarah peranan dalam ekonomi Negeri Kedah. Kertas kerja dibentangkan di Konvensyen Sejarah Negeri Kedah. Anjuran Persatuan Sejarah Malaysia cawangan Kedah. 28 November-1 Disember, Alor Setar, Kedah.
- Azmi Khalid. 1996. Ekonomi Melayu Kurun ke-19: Sara diri atau komersil?. Dlm Badriyah Haji Salleh & Tan Liok Ee (pnyt.). *Alam pensejarahan: Dari pelbagai perspektif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Badriyah Haji Salleh & Tan Liok Ee. 2006. Sejarah ekonomi Kedah sehingga kurun ke-19. Kertas kerja dibentangkan dalam Majlis Polemik Sejarah Malaysia. Anjuran Arkib Negara Malaysia, 9 Mei, Alor Setar, Kedah.
- Chandran, J. 1965. An early railway project in Kedah. *Malaya in History* 9(1&2): 22-28. C.O. 273. Straits Settlements Original Correspondence. 1905-1946.
- Drabble, J.H. 1973. *Rubber in Malaya, 1876-1922: The genesis of the industry*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- F.O. 422. Federal Office. 1889.
- Gullick, J.M. 1989. *Malay society in the late Nineteenth Century*. Singapore: Oxford University Press.
- Haslindawati Saari. 2007. Sejarah perkembangan padi di Kota Setar: 1880-1940. Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim.
- Hill, R.D. 1977. *Rice in Malaya, a study of historical geography*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Ismail Haji Salleh. t.t. Negeri Kedah di zaman pembaharuan, pemodenan dan pembangunan. Alor Setar: Arkib Negara Malaysia.
- Jackson, C. 1968. *Planters and speculators: Chinese and European enterprise in Malaya, 1786-1921*. Kuala Lumpur: Universiti of Malaya Press.
- Khadri Mohd Salleh. 1989. Masalah kongsi gelap dan pergaduhan orang-orang Cina di Kulim, Kedah pada tahun 1888. Mini Tesis, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Kedah Annual Report (KAR)*. 1905-1935.
- Undang-Undang Kedah*. 1311 Hijrah/1893 Masihi.
- Lim Teck Ghee. 1972. *Peasant and their agricultural economy in colonial Malaya: 1874-1941*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Lim Teck Ghee, Gibbons, D.S. & Shukor Kassim. 1980. Accumulation of padi land in the Muda Region: Some finding and thought on their implication for the peasantry and development. Kertas kerja dibentangkan dalam "The Peasantry and Development in The Asia Region". Mei, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Mahani Musa. 2005. *Sejarah sosio-ekonomi wanita Melayu Kedah: 1881-1940*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Isa Othman. 2001. *Pengalaman Kedah dan Perlis zaman penjajahan British*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Norman, H. 1900. *The people and politic of the Far East*. London: t.pt.
- Salim Nabijan. 1990. Sejarah pembinaan jalan keretapi Negeri Kedah. Dlm. *Alor Setar: 250 Tahun*. Alor Setar: Kerajaan Negeri Kedah.
- Samsiah Muhamad. 2006. Pemeliharaan manuskrip Melayu: Koleksi agung warisan dunia. Dlm. *Kumpulan Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Manuskrip Melayu: Melestarikan Manuskrip Melayu Warisan Agung Bangsa*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Singapore Free Press*. 1837. 31 Mac.
- Sharom Ahmat. 1979. The structure of the economy of Kedah: 1879-1905. *Journal of Malayan Branch Royal Asiatic Society* 43(II): 1-24.
- Sharom Ahmat. 1984. Kedah - Tradition and change in Malay state: A study of the economic and political development: 1778-1923. Monograph No. 12. Malayan Branch Royal Asiatic Society.
- Straits Echo*. 1909. 8 Februari.

- Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid Halim Shah* No. 1. T.H.1300-1304H/1882-1886M.  
*Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid Halim Shah* No. 2. T.H.1304-1305H/1886-1887M.  
*Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid Halim Shah* No. 3. T.H.1306-1307H/1888-1889M.  
*Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid Halim Shah* No. 5. T.H.1308-1313H/1890-1895M.  
*Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid Halim Shah* No. 6. T.H.1314-1317H/1896-1899M.
- Syed Mohammad Syed Hassan Shahabudin & Knowles, M.G. 1958. The three million dollar wedding. *Malaya in History* IV(2): 10-12.
- Thow Eng Kee. 1989. Kekacauan Kulim. Latihan Ilmiah. Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Thow Eng Kee. 1995. *Kedah selepas Perang Kulim*. Kuala Lumpur: Nealdly Publisher.
- UNESCO. 2001. Memory of the Worlds, Registered Heritage, Correspondence of the late Sultan of Kedah: 1882-1943. [http://portal.unesco.org/ci/en/ev.phpURL\\_ID=21300=DO\\_TPOIC&URL\\_SECTION=201.html](http://portal.unesco.org/ci/en/ev.phpURL_ID=21300=DO_TPOIC&URL_SECTION=201.html) (12 Januari 2010).
- Wan Shamsuddin Mohd. Yusuf. 2001. Surat-menyurat zaman Sultan Abdul Hamid Halim Shah, Kedah (1882-1943) Kertas kerja dibentangkan dalam Bengkel Kajian Naskhah Kesultanan Melayu. Anjuran Bahagian Kesusasteraan Tradisional, Jabatan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka dengan kerjasama Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 2 hingga 5 Julai, Hotel Quality, Kuala Lumpur.
- Winstedt, R.O. 1928. Kedah law. *Journal of Malayan Branch Royal Asiatic Society* 4(2): 1-44.
- Wu Xiao An. 2003. *Chinese business in the making of a Malay state, 1882-1941: Kedah and Penang*. London: Routledge Curzon.
- Zaharah Mahmud. 1966. Charge in Malay Sultanate: A historical geography of Kedah before 1939. Tesis Sarjana, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Zaharah Mahmud. 1972. The evolution of population. *Journal of Southeast Asian History* III(2): 193-209.

Mohd Kasturi Nor Abd Aziz, M.A.

Tutor

Bahagian Sejarah

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan

Universiti Sains Malaysia

11800 USM, Minden, Pulau Pinang, MALAYSIA.

E-mail: hangkas83911@yahoo.com.my

